

TARIKH	SELASA, 6 JUN 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PIL HALANG KANSER MEREBAK KE OTAK, HATI DIJUMPAI
M/S	30
BIDANG	MEDICINE
KATA KUNCI	MEDICINE

Dunia

Selasa, 6 Jun 2023 BH

# Pil halang kanser merebak ke otak, hati dijumpai

Ubat dibangunkan AstraZeneca kurangkan risiko kematian akibat barah paru-paru

**Washington:** Sejenis pil didapati dapat mengurangkan separuh risiko kematian akibat kanser paru-paru tertentu apabila diambil setiap hari selepas pembedahan membuang tumor, demikian menurut keputusan ujian klinikal yang dibentangkan kelmarin (4 Jun).

Keputusan itu diumumkan di Chicago pada persidangan tahunan terbesar pakar kanser, yang dihoskan Persatuan Onkologi Klinikal Amerika (ASCO).

Kanser paru-paru adalah penyakit yang paling banyak menyebabkan kematian, dengan kira-kira 1.8 juta kematian setiap tahun di seluruh dunia.

Rawatan yang dibangunkan kumpulan farmaseutikal AstraZeneca itu dinamakan osimertinib dan dipasarkan di bawah nama Tagrisso.

Ia menyasarkan jenis kanser paru-paru tertentu pada pesakit yang menghidap kanser bukan sel kecil, jenis yang paling biasa dan menunjukkan jenis mutasi tertentu.

Mutasi berkenaan, yang dipang-

gil reseptor faktor pertumbuhan epidermis (EGFR), menjejaskan 10 hingga 25 peratus pesakit kanser paru-paru di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah serta 30 hingga 40 peratus di Asia.

## Ujian klinikal

Ujian klinikal yang dilakukan membabitkan kira-kira 680 peserta pada peringkat awal penyakit (peringkat 1b hingga 3a) di lebih 20 negara.

Mereka harus dibedah terlebih dahulu untuk membuang tumor, kemudian separuh daripada pesakit mengambil rawatan setiap hari dan yang lain adalah plasebo.

Data ini 'mengagumkan', kata Roy Herbst dari Universiti Yale, yang membentangkan keputusan itu di Chicago.

"Ubat itu membantu menghalang kanser daripada merebak ke otak, hati dan tulang," katanya pada sidang akhbar.

Beliau berkata, kira-kira satu pertiga daripada kes kanser bukan sel kecil boleh dibedah apabila dikesan.

AstraZeneca dalam kenyataan, berkata osimertinib sudah mendapat kelulusan di puluhan negara untuk pelbagai indikasi dan diberikan kepada kira-kira 700,000 orang.

Kelulusannya di AS bagi peringkat awal pada 2020 adalah berdasarkan data sebelumnya, yang menunjukkan peningkatan dalam kelangsungan hidup pesakit tanpa penyakit, iaitu tempoh pesakit hidup tanpa kanser berulang.

AFP

DISEDIAKAN  
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM